

# PEWUJUDAN PEJABAT DAERAH



- **C**ampurtangan Inggeris di negeri-negeri Melayu pada tahun 1874 mengubah sistem pemerintahan Melayu tradisional dan diganti dengan sistem pentadbiran Inggeris.
- **I**nggeris mengenyepikan jawatan orang besar (wakil Sultan) dan diganti dengan Pegawai Daerah
- **P**egawai Daerah bertindak selaku ketua pentadbir, pemimpin, orang perantaraan antara Kerajaan dengan rakyat, pegawai protokol, agen pembangunan, tugas bidang keagamaan, sosial ekonomi dan kemasyarakatan setempat

# PEWUJUDAN PEJABAT DAERAH



- **1881 – 1957** peranan utama Pegawai Daerah sebagai Ketua Pentadbir merangkumi memelihara keselamatan dan keamanan serta kutipan hasil.
- **S**elepas merdeka, peranan utama Pegawai Daerah berubah kepada ejen pembangunan, penggerak, perancang serta pelaksana ekonomi dan pembangunan di peringkat daerah.

# PEWUJUDAN PEJABAT DAERAH

**Pada tahun 1920 Bangunan Pejabat Daerah Pertama didirikan. Di bawah sistem ini Negeri Terengganu di bahagikan ke 3 kawasan iaitu Kawasan Barat (Besut dan Setiu), Kawasan Tengah (Hulu Terengganu, Kuala Terengganu dan Marang), Kawasan Timur (Dungun, Paka, Kerteh, Kemasik dan Kemaman).**

**Pada tahun 1924 Pejabat Daerah Dungun telah diwujudkan dan YM Tengku Muda (Abdullah bin A. Rahman) dilantik sebagai Pegawai Daerah Pertama. Pada tahun 1947 daerah Paka telah dibubarkan dan dimasukkan ke dalam daerah Dungun. Bangunan Pejabat Daerah Dungun (JKR 20D) telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Al Marhum Zainal Abidin pada Mac 1962.**

**Seterusnya pada tahun 1991 bangunan baru Pejabat Daerah dan Tanah Dungun telah didirikan dan disiapkan pada 28hb Mei 1992 dengan kos sebanyak RM4,459,338.76. Pejabat Daerah dan Tanah berpindah dari bangunan lama pada 1993 dan mula menduduki bangunan ini sehingga sekarang.**